

Khemah niaga diterbang ribut jadi kenangan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Peristiwa khemah niaga diterbangkan ribut sewaktu menyertai jualan bazar sempena konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Oktober 2014 sehingga terpaksa menanggung kerugian besar, menyebabkan Muhammad Asyraf Naquiuddin Fadri-raidin hampir berputus asa untuk bergiat dalam bidang keusahawanan.

Ketika itu, beliau aktif mengembangkan perniagaan menjual pelbagai aksesori telefon yang dimulakan secara kecil-kecilan pada awal tahun sama.

Namun ekoran insiden berkenaan, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Perakaunan itu berehat selama dua tahun daripada dunia bisnes dan memfokus pada pengajian serta aktiviti di kampus.

Kembali bersemangat

Inisiatif seorang rakan mengumpulkan pelajar UPM yang menjalankan perniagaan online dalam sebuah platform dikenali sebagai Skwad Usahawan Muda (YES) pada Jun tahun lalu, bagaimanapun menyuntik semangat baharu kepada beliau.

"Semangat untuk ber-

niaga kembali berkobar-kobar selepas melihat kesungguhan mereka menempuh pelbagai rintangan dan halangan untuk berjaya sebagai usahawan.

"Saya kemudian menubuhkan bisnes Nafa Gadget yang menjual aneka produk gajet, termasuk telefon pintar, dan menawarkan khidmat membaiki telefon," katanya.

Berbekalkan modal permulaan RM700, Muhammad Asyraf Naquiuddin kini mempunyai kedai di Wangsa Maju yang diusahakan bersama rakan kongsi.

Pada masa sama, beliau meneruskan perniagaan secara dalam talian melalui pelbagai saluran, termasuk Instagram dan laman web jual beli.

Testimoni pelanggan

Sepanjang bergelar usahawan muda, beliau tidak menafikan persaingan sengit dan usaha meraih keyakinan pelanggan adalah cabaran paling sukar, lebih-lebih lagi membitkan produk telefon pintar yang berharga ribuan ringgit.

"Antara langkah diambil ialah saya menggunakan testimoni pelanggan terdahulu yang berpuas hati dan yakin dengan produk dijual.

"Setakat ini, sambutan pelanggan adalah membe-



Muhammad Asyraf Naquiuddin bersama seorang pelanggan perniagaannya.

rangsangkan sehingga saya boleh menawarkan perkhidmatan dropship untuk produk telefon pintar dan power bank kepada individu

yang berminat," katanya.

Beliau juga berdepan kekangan masa kerana perlu memenuhi tuntutan pengajian, termasuk meng-

hadiri kuliah dan menyiapkan tugas.

Sehubungan itu, beliau memanfaatkan sepenuhnya masa terluang untuk

mengurus dan mengembangkan perniagaan kerana berhasrat membuka lebih banyak kedai pada masa depan.

info

Nafa Gadget

→ **Produk** aksesori telefon dijual pada harga bermula dari RM1.50
→ **Harga** paling mahal telefon pintar dijual ialah RM4,799